

# Keputusan arahan bekerja dari rumah dibincang esok

Mesyuarat bakal tentukan sama ada wujud keperluan dalam kawasan PKPB

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim, Faris Fuad dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Keputusan sama ada arahan bekerja dari rumah akan diteruskan atau sebaliknya, berikutan banyak kawasan tidak lagi tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akan dibincangkan pada mesyuarat esok.

Menteri Kanan (Keselama-

tan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia bagi menentukan sama ada wujud keperluan atau tidak untuk terus bekerja dari rumah dalam kawasan PKPB.

Beliau berkata, perkara itu akan dibincang dengan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk sektor swasta serta industri.

"Semalam (kelmarin), kita tidak bincang isu berhubung bekerja dari rumah. Kalau kita tengok sekarang ini, sudah tak banyak kawasan dikenakan PKPB. Kalau diikutkan hanya satu negeri saja yang secara keseluruhan iaitu Wilayah Persekutuan.

"Di Selangor, walaupun seluruh negeri itu masih PKPB, tetapi tiga daerah tidak dikenakan


PKPB. Semakin luas kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

"Jadi mungkin perkara ini akan dibincangkan sama ada wujud keperluan bekerja dari rumah atau sekarang ini sudah kembali kepada PKPP dan boleh bekerja di pejabat semula. Kita akan bangkitkan pada mesyuarat Isnin (esok)," katanya pada sidang media, semalam.

Pada 10 November lalu, kerajaan memperluas arahan bekerja dari rumah membabitkan penjawat awam seluruh negara, termasuk sektor swasta dan industri.

Sebelum ini, arahan itu hanya tertakluk kepada perkhidmatan awam di negeri dikenakan PKPB.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan akan merujuk



Keputusan sama ada arahan bekerja dari rumah akan diteruskan atau sebaliknya akan dibincang dengan Ketua Pengarah JPA dan MITI untuk sektor swasta serta industri. (Foto hiasan)

Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung keperluan memakai pelitup muka, jika sudah memakai topeng pelindung muka di tempat awam yang menjadi 'trend fesyen' ketika ini.

Katanya, sebelum ini pemakaian topeng pelindung muka pernah disarankan sebagai alternatif bagi murid sekolah daripada keluarga berpendapatan rendah yang tidak mampu membeli pelitup muka.

Dengan pelitup muka yang sudah turun harga dan dipakai

di tempat awam, beliau berkata, masih ada golongan dewasa yang mengenakan topeng pelindung muka.

"Kini, saya lihat orang dewasa pun pakai dan menjadi fesyen pula. Jadi saya tak pasti boleh atau tidak boleh dari segi kesihatan. Saya akan rujuk KKM, jika KKM kata wajib (pakai pelitup muka bersama pelindung muka), maka kalau tak pakai (pelitup muka) boleh diambil tindakan, sebab itu saya kena dapatkan penjelasan," katanya.